

**Parlimen: Hampir 6,000 Warga Emas Huni Rumah Orang Tua Seluruh Negara  
Bernama  
15 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Hampir 6,000 warga emas menjadi penghuni di 11 pusat jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta 165 pusat yang dimiliki badan bukan kerajaan (NGO) dan swasta di seluruh negara setakat ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Heng Sai Kee berkata daripada jumlah itu, 1,927 menghuni rumah orang tua JKM dan baki 4,059 ditempatkan di pusat jagaan berdaftar kendalian NGO dan swasta.

"Di bawah JKM terdapat sembilan buah Rumah Seri Kenangan (RSK) untuk warga emas yang berupaya menguruskan diri dan dua buah Rumah Ehsan untuk warga emas yang terlantar dan tidak berupaya menguruskan diri serta memerlukan rawatan rapi.

"Pada tahun lepas, peruntukan yang diberi kerajaan untuk menguruskan sembilan buah RSK ini adalah RM26.79 juta dan RM5.82 juta untuk Rumah Ehsan," katanya menjawab soalan Datuk Mohd Jidin Shafee(BN-Setiu) di Dewan Rakyat, di sini pada Isnin.

Heng berkata sebanyak RM7.4 juta dikeluarkan kepada pusat jagaan kendalian NGO dan swasta, manakala RM733,260 diperuntukkan kepada 22 Pusat Aktviti Warga Emas (PAWE) JKM yang dikendalikan oleh NGO.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701935>